

# Kebudayaan Islam

## Pengaruh Islam dalam Ilmu Pengetahuan Dunia

Percubaan menjalankan penyiasatan ilmiah pada zaman purba, telah dimulai di Mesir, di negeri China dan di negeri Greek. Tetapi kemudian kemajuan ilmu pengetahuan itu telah terhenti beberapa kurun sehinggalah timbul zaman Islam.

Menurut Prof. C.P. Wolf Schumacher, bahawa ahli-ahli pengetahuan yang jujur akan terpaksa, kerana beberapa bukti yang nyata, mengakui bahawa sesungguhnya agama Islamlah yang telah membangkitkan semangat penyelidikan ilmiah di Eropah dalam zaman pertengahan.

Dasar-dasar ilmu pengetahuan cara baharu telah menjelma dalam kurun Masihi yang ke-17, setelah itu persahabatan antara ilmu pengetahuan dan agama (gereja) telah terancam pula dalam kurun yang ke-18, ketika ilmu pengetahuan berpaling dari mempelajari benda yang hidup kepada benda yang mati.

Menurut Dr. Charles Rayban, perselisihan antara (ilmu pengetahuan dengan ajaran agama Kristian) itu berlaku ialah dalam ilmu geologi yang mengatakan bahawa dunia ini lebih tua dari apa yang dikatakan oleh kaum Kristian, dan bahawa penciptaan itu tidak terhenti dengan tujuh hari yang termaklum.

Perselisihan itu makin bertambah hebat tatkala timbul teori Charles Darwin dalam tahun 1859,

tentang "asal jenis" kejadian benda-benda.

Satu "perletakkan senjata" pernah terjadi di antara pihak Kristian dengan ahli-ahli ilmu pengetahuan, masing-masing menguasai lapangannya sendiri. Akan tetapi perdamaian itu rupanya tidak lama, terutama ialah kerana:

(1) teori warisan sifat, (2) "faham penetapan" Freud; (3) pemakaian ilmu secara amalan, dan pengaruh pandangan "penganut faham kebendaan" terhadap alam.

Pendeknya, menurut Dr. Charles Rayban, terasa sukar sekali untuk mempertemukan kenyataan ilmiah dengan kepercayaan Kristian.

### Suasana Berubah

Pada tahun 1905, teori "Perhubungan Sejenis" (*al-nazariyyah al-nisbiyyah*) oleh Einstein, membayangkan bahawa manusia tidak dapat memandang dunia dengan pandangan yang asing dari perasaan hatinya sendiri, kerana manusia itu ialah sebahagian daripada dunia juga.

Plank, Hilsenberg dan lain-lainnya, membayangkan

bahawa manusia tak dapat menerangkan dunia dengan sempurna dan dengan berdasarkan mantik.

Kekurangan ini menyebabkan kedudukan ahli-ahli pengetahuan menurun rendah.

Akhirnya.... kedudukan ilmu pengetahuan itu pula berubah. Dahulu segala sesuatu diterangkan hanya dalam istilah-istilah kebendaan sahaja bahkan manusia pun hendak mereka ertikan dalam ragam kebendaan juga.

Tetapi sekarang kita mencatat:

1) Bahawa ilmu jiwa (psikologi) ialah ilmu yang mempelajari budi dan semangat, mulai menyatakan kemerdekaannya.

2) Bahawa ilmu hayat (biologi) makin banyak mempelajari apa yang hidup dalam lingkungan sekitarnya.

3) Bahawa teologi (aliran falsafah yang mengajarkan, bahawa segala sesuatu dalam dunia ini ada tujuannya) yang hampir dilupai itu sekarang diakui lagi.

Dahulu ilmu pengetahuan tidak suka mengambil tahu tentang soal akhlak; sekarang pemakaian bom atom menjelaskan, bahawa ahli-ahli pengetahuan pun tentu akhirnya menghadapi soal akhlak terlibat dalam pekerjaan mereka. Demikian kata Dr. Rayban.

Kesimpulannya, ahli-ahli pengetahuan akhirnya telah xxxx manusia bukan hanya otak, dan bahawa

xxxx hanya satu alat penghubung. Ilmu

xxxx satu jalan mencapai

xxxx

## Islam dan Ilmu Pengetahuan

Keistimewaan yang besar bagi Islam ialah bahawa kitab sucinya masih teguh, dan hadis Nabinya masih tetap terpelihara sebagai pentafsir bagi kitab suci al-Qur'an.

Al-Qur'an dan alam yang maha luas ini, ialah dua buah kitab ciptaan Allah 'azza wa jalla. Selama manusia memahami alam dengan tepat dan mentafsirkan al-Qur'an *al-karim* dengan tepat pula, maka perselisihan dan pertentangan tak akan terjadi di antara pihak Islam dan ilmu pengetahuan.

Banyak dongeng-dongeng dari buku-buku lama sebelum Islam, dimasukkan orang dalam tafsir-tafsir dan akhirnya ternyata bertentangan dengan kenyataan ilmiah. Kewajipan kita sekarang



*Suatu pemandangan dalam pertunjukan barang-barang buatan*

*Indonesia, yang telah diadakan Persatuan Pelajar-pelajar*

*Indonesia di Washington baharu-baharu ini.*

membuang segala jenis perkara-perkara dongeng itu supaya faham keagamaan tetap murni seperti isi al-Qur'ān.

Bolehkah kita mentafsirkan al-Qur'ān atas dasar ilmu pengetahuan? Memang semestinya, bahkan itu bererti taat kepada perintah Allah Ta'ālā dalam al-Qur'ān sendiri, bahawa mestilah menggunakan akal dan fikiran untuk memahami segala perkara sedapat-dapatnya.

Seyogialah diketahui, bahawa ilmu pengetahuan itu mengandungi pula apa-apa yang masih dalam taraf penyelidikan. Jadi belum sampai ke martabat kenyataan yang tak dapat disangkal. Apa-apa yang sudah tetap kebenarannya, sudah barang tentu tidak akan bertentangan dengan akal yang hak.

Al-Qur'ān mengandungi banyak isyarat (bayangan) mengenai soal ilmu pengetahuan yang belum diketahui oleh manusia pada zaman turunnya (al-Qur'ān) itu, dan baharulah sesudah itu diketahui orang setelah terbuka beberapa rahsia alam. Di bawah ini disajikan beberapa contoh:

Di dalam al-Qur'ān ada ayat yang bermaksud: “Dan Kami tiupkan angin itu, gunanya untuk mengahwinkan (tumbuh-tumbuhan)” (22, al-Hijr). Dahulu ayat ini masih ditakwil, tetapi sekarang boleh kita mengertikannya menurut apa yang tertulis.

Renungkanlah ayat yang bermaksud: “Tiap-tiap sesuatu itu kami jadikan berpasang-pasang, mudah-mudahan kamu menerima pelajaran.” (49, al-Dhāriyāt); dan ayat yang bermaksud: “Dan dari buah-buahan dijadikannya sepasang-sepasang (jantan dan betina)”. (3, al-Ra'd). Dalam ayat ini terang bahawa buah-buahan (tumbuh-tumbuhan) ada jantan dan ada

betina. Hal ini belum diketahui oleh orang dahulu kala.

Tentang sunnah (undang-undang) Allah ini banyak ayat mengisyaratkan kepada-Nya, di antaranya firman-Nya yang bermaksud: “Maha Suci Allah yang menjadikan semuanya berpasang-pasang, iaitu apa-apa yang ditumbuhkan oleh bumi dan dari diri mereka sendiri, dan dari apa-apa yang tidak mereka ketahui.” (36, Yāsin).

Lebih menakjubkan lagi ayat yang bermaksud: “Dan Kami tumbuhkan di atasnya (bumi) berjenis-jenis tumbuh-tumbuhan dengan timbangan (ukuran).” (19, al-Hijr). Ayat ini sungguh menghairankan jika kita merenungkan perkataan “dengan timbangan” itu sedalam-dalamnya. Ahli-ahli pengetahuan yang khas dalam kimia dan tumbuh-tumbuhan mengatakan bahawa anasir tumbuh-tumbuhan itu tersusun dari bahagian-bahagian yang tertentu ukurannya dalam tiap-tiap jenisnya dengan timbangan dan sukatan yang halus sekali, yang sangat ajaib, tidak dapat ditimbang melainkan dengan timbangan yang sehalus-halusnya, yakni dengan misalnya sepersepuluh gram dan miligram, demikian pula timbangannya (nisbahnya) satu sama lain pada tiap-tiap tumbuh-tumbuhan. Hal ini termasuk ilmu pengetahuan yang sama sekali tidak diketahui orang sebelum zaman sekarang ini, dan tidak akan dapat menerangkan erti ayat ini dengan sejelas-jelasnya melainkan dengan mengarang sebuah buku yang khas baginya.

Sungguh masih banyak isyarat ilmiah dalam kitab suci al-Qur'ān *al-karīm*, tetapi yang tersebut tadi hanya sebagai contoh sahaja.

(Dari buah pena al-Ustaz Abdullah bin Noh).